




AGAMA DAN KEPERCAYAAN



Masjid Putra, Putrajaya.



Sinopsis

Terdapat pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia. Unit ini akan membincangkan kepelbagaian agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat serta menyatakan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan agama lain juga termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, unit ini memberikan maklumat berkaitan dengan rumah ibadat yang terdapat di Malaysia.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Pelbagai agama dan kepercayaan yang terdapat di Malaysia.
- 2 Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.
- 3 Kedudukan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 4 Nama rumah-rumah ibadat di Malaysia.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Memahami elemen asas sejarah berkaitan dengan pelbagai agama dan kepercayaan di Malaysia.
- 2 Membuat interpretasi tentang kedudukan agama Islam dan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 3 Meneroka bukti signifikan berkaitan dengan rumah ibadat setiap agama di Malaysia.



Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kasih sayang



Kuil Dewa Murugan,
Batu Caves, Selangor.



Gereja St. Thomas's Cathedral,
Kuching, Sarawak.



Tokong Poh Aun Keong, Kangar, Perlis.

Agama dan Kepercayaan di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup aman sejahtera. Di samping itu, terdapat pelbagai agama dan kepercayaan yang dianuti oleh rakyat negara kita.

Agama di Malaysia

Terdapat pelbagai agama di Malaysia seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh. Terdapat juga ajaran Konfusius dan Tao. Penyebaran agama tersebut berlaku dengan pelbagai cara, iaitu melalui peranan pemerintah, pedagang dan golongan agama.

Agama Islam

Agama Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan. Penganut agama Islam hanya menyembah Allah Yang Maha Esa.

Terdapat dua teras kepercayaan dalam Islam, iaitu Rukun Islam dan Rukun Iman. Ajaran Islam berpandukan kitab suci al-Quran dan Hadis.



Kitab al-Quran



Kitab Bible

Agama Kristian

Penganut agama Kristian percaya bahawa agama ini dibawa oleh Jesus Christ. Bagi penganut agama ini, hari

Ahad dikhususkan sebagai hari untuk melakukan aktiviti keagamaan di gereja. Kitab suci agama ini ialah Bible.

GLOSARI

Hadis bermaksud pengucapan, perbuatan dan pengakuan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh para sahabat baginda.

CEPAT JAWAB

Namakan kitab suci agama Islam dan agama Kristian.

NOTA GURU

Agama Buddha

Penganut agama ini mengamalkan ajaran yang diasaskan oleh Siddharta Gautama. Beliau dikenali sebagai Buddha. Mereka percaya ajaran Buddha

berasaskan Empat Kebenaran Mulia yang dapat dicapai melalui Jalan Lapan Lapis Mulia. Kitab suci penganut agama Buddha ialah Tipitaka.



Kitab Tipitaka



Kitab Veda

Agama Hindu

Penganut agama ini mempercayai Hukum Karma yang berkaitan dengan kelakuan manusia semasa

hidup dan kelahiran semula selepas mati. Kitab suci agama Hindu dikenali sebagai Veda.

Agama Sikh

Agama Sikh diasaskan oleh Guru Nanak. Penganut agama ini terdiri daripada kaum Sikh. Tradisi dan ajaran agama ini berkaitan dengan sejarah, masyarakat

dan budaya kaum Sikh. Agama Sikh percaya kepada adanya satu Tuhan yang dinamakan Waheguru. Kitab suci agama Sikh dikenali sebagai Sri Guru Granth Sahib.



Kitab Sri Guru Granth Sahib

PAK-21 Kajian Gambar

1. Bentukkan beberapa buah kumpulan.
2. Teliti gambar-gambar kitab suci.
3. Cari maklumat tambahan berkaitan dengan agama yang dianuti oleh masyarakat Malaysia.
4. Bincangkan secara berkumpulan.

Sumber: Mohd Rosmizi Abdul Rahman, 2011. *Agama-agama di Dunia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.


CEPAT JAWAB

Apakah maksud Hukum Karma?


Ajaran Konfusius

Ajaran Konfusius diasaskan oleh Kung Fu Tze. Penganut Konfusius percaya bahawa ajarannya menekankan prinsip moral yang

tinggi seperti perikemanusiaan, kesusilaan dan ketaatan kepada ibu bapa. Ajaran ini terkandung dalam buku Analek.



Buku Analek



Buku Tao Te Ching

Ajaran Tao

Ajaran Tao diasaskan oleh Lao Tzu. Penganut ajaran Tao percaya kepada kepentingan keharmonian hidup dengan alam semesta.

Kehidupan setiap manusia ditentukan oleh Tao yang bermaksud "jalan". Tao Te Ching merupakan buku yang mengandungi ajaran Tao.

Sumber: Cheu Hock Tong, 1988. *Chinese Beliefs and Practice in South East Asia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.



AKTIVITI

Secara berkumpulan, murid diminta menghubungkan kait kepentingan amalan agama dan kepercayaan dalam kehidupan. Bentangkan dapatan secara kreatif.



Mengapakah agama penting dalam kehidupan kita?



CEPAT JAWAB

Apakah prinsip moral yang ditekankan dalam ajaran Konfusius?



11.2.1
K11.2.6

Kepercayaan Masyarakat di Malaysia

Terdapat rakyat Malaysia yang mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kepercayaan mereka dipengaruhi oleh alam semesta.

Kepercayaan ini dikenali sebagai animisme. Masyarakat ini percaya bahawa gua, pokok atau batu besar mempunyai semangat dan roh nenek moyang yang mesti dihormati.

- Masyarakat Orang Asli suku Mah Meri di Pulau Carey mengadakan upacara Puja Pantai untuk mendapatkan perlindungan dan pengampunan daripada semangat laut.



Upacara Puja Pantai oleh masyarakat Orang Asli suku Mah Meri.

Sumber: Astro Awani.

Kepercayaan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia

- Masyarakat Orang Asli percaya bahawa penyakit disebabkan oleh kuasa jahat.

- Masyarakat Orang Asli suku Temiar dan suku Semai mengadakan upacara ritual untuk menghalau kuasa jahat.

Sumber: Jasiman Ahmad dan Rosnah Ramli, 1997. *Siri Kebudayaan Masyarakat Malaysia: Masyarakat Orang Asli*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.



CEPAT JAWAB

Apakah tujuan upacara Puja Pantai dilakukan oleh masyarakat Orang Asli di Pulau Carey?

Terdapat masyarakat Iban yang mempercayai bahawa Petara (dewa) akan menyampaikan sebarang alamat dan petanda melalui mimpi dan bayangan.

- Petara dipuja melalui beberapa upacara khusus seperti upacara Miring.
- Upacara Miring dimulai dengan jampi mantera.
- Upacara ini dilakukan oleh seorang penyair yang dikenali sebagai Lemambang.



Upacara Miring sedang dilakukan.

Sumber: Utusan Borneo.

Terdapat masyarakat Bisaya di Sarawak yang bekerja sebagai petani mempercayai kuasa ghaib.

- Jampi mantera dibaca untuk mengelakkan gangguan kuasa ghaib semasa membuka kawasan pertanian baharu.
- Mereka juga menjalankan upacara Tamarok untuk menghalau kuasa ghaib daripada badan pesakit.

Sumber: Persatuan Bisaya, Sarawak.

Kepercayaan Masyarakat di Sarawak dan Sabah



Upacara Tamarok dilakukan oleh masyarakat Bisaya.



CEPAT JAWAB

Mengapakah masyarakat Bisaya mengadakan upacara Tamarok?

Terdapat masyarakat Bajau yang masih menjalankan upacara Ngeduang.

- Melalui upacara Ngeduang ini keluarga si mati menjamu makanan kepada tetamu sebagai sedekah. Upacara ini diamalkan di bahagian pantai barat Sabah (Kota Belud).
- Etnik Bajau di bahagian pantai timur (Semporna) pula mengadakan upacara Mag'ombo.
- Mag'ombo bermaksud menghargai dan menghormati warisan turun-temurun daripada nenek moyang agar kehidupan mereka dirahmati.



Upacara Ngeduang.
Sumber: Nandra Hilong,
Penyelidik Masyarakat Bajau.



Upacara Magavau
(Maga'au) semasa Pesta
Kaamatan di Sabah.
Sumber: Kadazandusun Cultural
Association.

Terdapat masyarakat Kadazandusun yang mempercayai Kinorohingan.

- Kinorohingan merupakan Tuhan untuk meminta sesuatu seperti keselamatan dan perlindungan.
- Mereka juga percaya akan semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau (Maga'au).
- Upacara diketuai oleh ketua bomoh yang dikenali sebagai Bobohizan.

Semua agama dan ajaran yang diamalkan oleh rakyat Malaysia menuntut penganutnya supaya sentiasa melakukan perkara yang baik. Masyarakat yang memahami dan menghormati agama serta budaya kaum lain akan menjamin kehidupan yang aman dan sejahtera. Selain itu, masyarakat perlu memahami kepentingan agama dan kepercayaan dalam kehidupan harian.



11.21

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepelbagaian kepercayaan yang terdapat di Malaysia.



Agama Islam dalam Perlembagaan

Agama Islam diakui sebagai agama Persekutuan setelah parti-parti politik dan pertubuhan menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Kedudukannya termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang berkaitan dengan perubahan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan perlu mendapat titah perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu.

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 3 (1)

Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara 3 (2)

Di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya ...

Perkara 3 (3)

Perlembagaan negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak memperuntukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di negeri itu.

Perkara 3 (5)

... Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sumber: Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita perlu menghormati peruntukan perlembagaan ini agar persefahaman dan perpaduan rakyat dapat dikekalkan.



CEPAT JAWAB

Nyatakan kandungan Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.





Kedudukan Agama Lain dalam Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan memaklumkan bahawa agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Rakyat mempunyai hak untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing.

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 11 (1)

Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk pada fasal (4) mengembangkannya.

Perkara 11 (3) (a)

Tiap-tiap kumpulan agama berhak—
(a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;...

Sumber: Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan beragama mengikut Perlembagaan Persekutuan mewujudkan masyarakat yang saling memahami dan menghormati kaum lain. Kita perlu menghayati kepentingan menghormati amalan beragama yang terdapat di Malaysia.



Menghormati kepelbagaian agama dan kepercayaan akan mewujudkan perpaduan. Bincangkan.



IMBAS SAYA

Perkara 3 dan Perkara 11
Perlembagaan Persekutuan



11.23
K11.2.7

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami tentang kedudukan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rumah Ibadat di Malaysia

Setiap agama mempunyai rumah ibadat masing-masing. Setiap rumah ibadat mempunyai ciri-ciri tertentu yang menjadi simbol dalam agama berkenaan. Seni bina rumah ibadat ini juga mempunyai pelbagai bentuk dan pengaruh. Rumah ibadat berfungsi sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti keagamaan.

Rumah Ibadat Penganut Agama Islam

Masjid merupakan rumah ibadat penganut agama Islam.

Masjid Negara, Kuala Lumpur

- Dibina pada tahun 1963 dan dirasmikan pada 27 Ogos 1965.
- Seni binanya merupakan gabungan ciri moden, Islam dan tempatan.
- Boleh menampung 15 000 jemaah dalam satu-satu masa.
- Pembinaan Masjid Negara ini melambangkan perpaduan, toleransi dan keagungan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.



Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Masjid Kampung Laut, Kelantan

- Dibina pada abad ke-18.
- Antara masjid tertua di Alam Melayu.
- Terletak di Kampung Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
- Seni binanya berunsurkan ciri Alam Melayu.



Masjid Kampung Laut, Kelantan.



Masjid di Malaysia.

IMBAS SAYA

Masjid Al-Qadim, Sarawak

- Dibina pada tahun 1830.
- Terletak di Sibu, Sarawak.
- Dibina oleh Tuan Haji Salam Minangkabau, ulama dari Sumatera.
- Mempunyai reka bentuk Masjid Agung Demak, Jawa Tengah, Indonesia.

Masjid Al-Qadim, Sibu, Sarawak.
Sumber: Utusan Borneo.

Rumah Ibadat Penganut Agama Kristian

Rumah ibadat penganut agama Kristian dikenali sebagai gereja.



Gereja St. Michael, Sandakan, Sabah.

Gereja St. Michael, Sabah

- Dibina pada tahun 1893.
- Gereja tertua di negeri Sabah.
- Merupakan gereja granit tertua di Malaysia.
- Terletak di Sandakan, Sabah.

Rumah Ibadat Penganut Agama Buddha, Konfusius dan Tao

Rumah ibadat penganut agama Buddha, dikenali sebagai tokong atau wat, manakala Konfusius dan Tao pula dikenali sebagai tokong.

Wat Boonyaram Padang Sera, Kedah

- Dibina pada tahun 1932.
- Merupakan rumah ibadat bagi masyarakat Siam beragama Buddha di Kedah dan di Perlis.
- Antara wat terbesar di negeri Kedah.
- Terletak di Koding, Kubang Pasu, Kedah.


Sumber: Hood Salleh, 2006.
Peoples and Traditions: The Encyclopedia of Malaysia. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.

Wat Boonyaram Padang Sera, Kedah.



Tokong Cheng Hoon Teng, Melaka

- Dibina pada tahun 1645.
- Tokong ini dinamakan Cheng Hoon Teng yang bermaksud Kediaman di Awan Hijau.
- Digunakan oleh penganut agama Buddha dan Tao dalam upacara keagamaan.



Tokong Cheng Hoon Teng, Hang Tuah Jaya, Melaka.

Rumah Ibadat Penganut Agama Hindu

Rumah ibadat penganut agama Hindu dikenali sebagai kuil.

Kuil Arulmigu Sri Rajakaliamman, Johor

- Dibina pada tahun 1922.
- Terletak di Jalan Tebrau, Johor Bahru.
- Kuil ini dibina semula daripada kaca pada tahun 1996.
- Tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai kuil kaca pertama dan hanya satu terdapat di Malaysia.



Kuil Arulmigu Sri Rajakaliamman, Johor Bahru, Johor.

Rumah Ibadat Penganut Agama Sikh

Rumah ibadat penganut agama Sikh pula dikenali sebagai gurdwara.



Wadda Gurdwara Sahib, George Town, Pulau Pinang.

Wadda Gurdwara Sahib, Pulau Pinang

- Dibina pada tahun 1901.
- Nama asalnya ialah Diamond Jubilee Sikh Temple.
- Seni binanya berasaskan seni bina Moor dan moden.
- Bangunan gurdwara ini dijadikan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan.



Maklumat rumah ibadat di Malaysia.

IMBAS SAYA

GLOSARI



Seni bina Moor merupakan gabungan seni bina Afrika Utara dengan Portugal dan Sepanyol.

Mengapakah kita mesti memahami adab ketika berada di rumah ibadat?

Rumah ibadat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penganutnya. Sebagai warganegara, kita perlu memahami kepentingan menjaga adab kesopanan kita ketika berada di dalam rumah ibadat.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami rumah ibadat dan adab kesopanan ketika berada di dalam rumah ibadat.





Agama dan Kepercayaan di Malaysia

- Agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikh, Ajaran Konfusius dan Ajaran Tao.
- Kepercayaan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.
- Kepercayaan Masyarakat di Sarawak dan di Sabah.

Agama Islam dalam Perlembagaan

- Perkara 3 (1)
- Perkara 3 (2)
- Perkara 3 (3)
- Perkara 3 (5)

Kedudukan Agama Lain dalam Perlembagaan

- Perkara 11 (1)
- Perkara 11 (3)(a)

Rumah Ibadat di Malaysia

- Islam - Masjid
- Kristian - Gereja
- Buddha - Tokong dan Wat
- Konfusius dan Tao - Tokong
- Hindu - Kuil
- Sikh - Gurdwara

Unit ini memberikan kefahaman tentang agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. Pengetahuan ini membantu murid untuk mengetahui perayaan kaum yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

A Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Yang di-Pertuan
Agong

wat

al-Quran

Guru Nanak

Kinorohingan

1. Kitab suci agama Islam dikenali sebagai _____.
2. Agama Sikh berasaskan ajaran _____.
3. Masyarakat Kadazandusun mempercayai _____ yang merupakan Tuhan untuk meminta keselamatan dan perlindungan.
4. _____ menjadi Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan.
5. Rumah ibadat masyarakat Siam dikenali sebagai _____.

B Tulis nama rumah ibadat yang berikut:



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Setiap agama menuntut penganutnya menjadi insan yang berbudi pekerti baik dan mempunyai nilai kasih sayang sesama insan. Agama mendidik manusia menghargai keamanan dan kedamaian hidup.

Diri

Kita hendaklah sentiasa patuh kepada ajaran agama supaya menjadi individu yang lebih bertimbang rasa.

Masyarakat

Individu yang bertimbang rasa akan melahirkan masyarakat yang harmoni.

Negara

Masyarakat yang harmoni mampu mewujudkan kesejahteraan negara.

Masjid Negara, Kuala Lumpur.